July 2017

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

74th ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



Wakaf Ilmu:
Enhancing the education of today's youths for a better tomorrow

ISSN 2232-1578

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Jamil Hamali
ADVISOR

Associate Professor Dr. Firdaus Abdullah
MANAGING EDITOR

Roselind Wee
CHIEF EDITOR (ENGLISH)

Lilly Metom
DEPUTY CHIEF EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Aiza Johari
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Azlina Ghazali
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Jacqueline Susan Anak Rijeng
EDITOR (BAHASA MALAYSIA & ENGLISH)

Mohamad Bin Abang
WRITER (BM)

Ardiana Mazwa Raudah Bt. Amir Abdullah
WRITER (BM)

Ch'ng Looi Chin
WRITER (ENGLISH)

Jacinta Yeo Jiin Yih
WRITER (ENGLISH)



Adib Sarkawi
WEB MASTER

Abdul Khalid Karim
PHOTOGRAPHER

Aktiviti Team Building D'PLANTERS

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Antara aktiviti *team building* di Kem Belia Mukah

Sesi bergambar bersama para peserta

Ucapan perasmian oleh Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip

Program Persatuan D'Planters yang kedua merupakan aktiviti *Team Building* yang diwajibkan bagi semua pelajar baru, iaitu pelajar semester satu. Program ini telah berlangsung selama 3 hari 2 malam bermula 6 hingga 8 Januari 2017 di Kem Belia Mukah dan telah dianjurkan oleh pelajar semester lima dari program Diploma Pengurusan Ladang. Seramai 63 orang peserta telah turut serta dalam program ini yang turut dihadiri oleh para pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian Sains dan Teknologi iaitu Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip. Antara objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar baru tentang program Diploma Pengurusan Ladang di samping meningkatkan jati diri peserta dan mengukuhkan lagi kerjasama berpasukan di kalangan peserta.

Kem Motivasi dan Pemantapan Akademik D'PLANTERS

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Aktiviti zumba semasa kem motivasi

Aktiviti yang memerlukan ketajaman mental

Kem Motivasi dan Pemantapan Akademik Pelajar anjuran pelajar semester empat program Diploma Pengurusan Ladang turut dijalankan pada semester yang lepas. Program ini telah berlangsung pada 25 Februari 2017 di Dewan Sri Balau UiTM Mukah. Antara intipati program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai persediaan dari segi mental dan fizikal sebelum menempuhi alam pekerjaan, memupuk sikap toleransi dan kerjasama berpasukan di kalangan peserta, serta memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengurusan sesuatu aktiviti. Encik Abdul Manan bin Busrah telah dijemput sebagai alumni jemputan untuk berkongsi serba sedikit pengalaman beliau melalui sesi *'Planters Talk'*. Program ini telah disertai oleh 247 orang peserta dan turut dihadari oleh para pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi.

Mesyuarat Umum Dwi Tahunan Ke-32 D'PLANTERS

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Pada 20 Disember 2016, telah berlangsung Mesyuarat Umum Dwi Tahunan yang ke-32 bagi Persatuan D'Planters' Guild UiTM Sarawak di Dewan Kuliah Judan UiTM Mukah. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua ahli persatuan dan juga para pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi serta turut dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Encik Mohamad Musa bin Bohari selaku Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan. Program ini telah bermula pada jam 7.30 petang dan berakhir pada jam 10.30 malam. Objektif utama program ini adalah untuk membuang undi bagi perlantikan baru Majlis Tertinggi Persatuan D'Planters' Guild sesi 2016/2017, di samping untuk memperkenalkan pelajar-pelajar baru iaitu pelajar semester satu. Antara intipati lain program ini adalah pembentangan aktiviti-aktiviti semester lepas, pembentangan bajet aktiviti-aktiviti semester lepas, dan pembentangan aktiviti-aktiviti yang bakal diadakan pada semester semasa.

Sesi bergambar bersama para peserta



Ucapan perasmian oleh Encik Mohamad Musa bin Bohari selaku Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan

Proses pembuangan undi bagi perlantikan Majlis Tertinggi D'Planters

UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications and International Relations Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my